

# DBKL tutup sebahagian Jalan Masjid India

**KUALA LUMPUR** - Sebahagian Jalan Masjid India sepanjang 160 meter dari Wisma Yakin sehingga Bit Polis Jalan Masjid India ditutup bagi memberi laluan kerja-kerja pemeriksaan utiliti dan struktur tanah.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya mengadakan dua sesi libat urus bersama pemegang taruh.

Ujarnya, sesi libat urus tersebut bagi memaklumkan status terkini mengenai insiden tanah jertus di lokasi berkenaan termasuk status kemajuan kerja-kerja di tapak.


“Kerja-kerja pembaikan lurang kumbahan sedang dijalankan di lokasi in-

siden. Manakala untuk lubang kumbahan berdekatan Bit Polis Jalan Masjid India, pihak Indah Water Konsortium telah membaiki paip kumbahan dan kerja-kerja pemeriksaan tanah bermula pada 10 September, sebelum kerja kemasan akhir dibuat,” kata kenyataan itu pada Selasa.

Terdahulu, seorang wanita dikenali sebagai Vijayaletchumy, 48, dari Kuppam, Andhra, India dilaporkan terjatuh ke lubang sedalam lapan meter di Jalan Masjid India.

Pada sesi itu juga, DBKL turut mencadangkan pelan susun atur baru tapak pengoperasian Pasar Malam Lorong Tuanku Abdul Rahman termasuk cadangan pemindahan penjaja terlibat ekoran kerja-kerja pembaikan tanah mendap yang dijalankan.

FOTO: BERNAMA



**Penutupan sebahagian Jalan Masjid India bagi memberi laluan kerja-kerja pemeriksaan utiliti dan struktur tanah.**